

05 DEC 2000

MAHATHIR-MAS

MOF AKAN BERI KATA PUTUS BAGI SAHAM MAS

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kementerian Kewangan akan memutuskan mengenai sebarang cadangan daripada pelabur-pelabur asing yang menunjukkan minat mereka untuk memiliki pegangan di dalam Malaysian Airline System Bhd (MAS).

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai laporan akhbar bahawa SAirGroup dari Switzerland, dilaporkan bersedia membayar lebih RM8 sesaham bagi satu pegangan besar dalam MAS.

"Ia terpulang kepada Kementerian Kewangan untuk memutuskannya....harga yang ditawarkan oleh SAirGroup agak baik," tambahnya.

Pemegang utama MAS, Tan Sri Tajuddin Ramli dilaporkan sedang berunding untuk menjual 29.09 peratus pegangannya di dalam syarikat penerbangan itu yang dipegang menerusi Naluri Bhd, kepada kerajaan yang sebaliknya akan menjual semua atau bahagian pemegangan saham kepada sebuah syarikat asing.

Selain SAirGroup, pihak lain yang berminat untuk membeli saham Tajuddin termasuklah Dutch Airline KLM, dan Qantas dari Australia.

-- BERNAMA

MOT KTC ZK MA